

PANDUAN
PERMOHONAN PENDAFTARAN SEBAGAI
PEMBANTU PERUBATAN
MELALU SISTEM BLESS

**CAWANGAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN
BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**



PERATURAN DAN PANDUAN MENGISI BORANG PERMOHONAN PENDAFTARAN SEBAGAI PEMBANTU PERUBATAN MELALUI SISTEM BLESS

1. Permohonan hendaklah dibuat melalui Sistem BLESS 1.0 di laman sesawang <https://www.bless.gov.my/bless/>
2. Syarat permohonan Pendaftaran sebagai Pembantu Perubatan adalah seperti berikut:
 - a. Pemohon telah tamat menjalani latihan selama 3 tahun di Kolej/ Institusi/ Universiti yang diiktiraf.
 - b. Telah lulus dengan jayanya sebelum dicadangkan untuk pendaftaran.
 - c. Lulus Peperiksaan Lembaga Pembantu Perubatan.
3. Persediaan sebelum Permohonan Pendaftaran sebagai Pembantu Perubatan:
 - a. Mengisi Borang 2 (Peraturan 14) melalui sistem BLESS.
 - b. Setiap bahagian pada Borang 2 (Peraturan 14) permohonan pendaftaran sebagai Pembantu Perubatan hendaklah diisi dengan lengkap.
 - c. Borang permohonan yang telah diisi lengkap hendaklah disertakan bersama **6**
Dokumen Mandatori seperti berikut (pastikan semua salinan dokumen telah disahkan):-
 - i. **Salinan surat beranak.**
 - ii. **Salinan Kad Pengenalan** (muka depan dan belakang).
 - iii. **Salinan Sijil Pelajaran Malaysia.**
 - iv. **Tiga (3) keping gambar berwarna berukuran pasport** [berpakaian kemas dan bertali leher bagi lelaki dan bertudung cerah (jika bertudung) bagi wanita].
 - v. **Salinan Transkrip Peperiksaan pembantu Perubatan (Semesta 1 hingga 6)** atau **Salinan Diploma Pembantu Perubatan.**
 - vi. **Salinan Keputusan Peperiksaan Lembaga Pembantu Perubatan.**
 - vii. **Yuran pendaftaran sebanyak RM50.00** (Bayaran dalam bentuk Kiriman Wang (Money order)/ Bank Draf atas nama "Pengerusi Lembaga Pembantu Perubatan").
 - viii. Pastikan semua **Dokumen Mandatori** dimuatnaik ke dalam sistem BLESS sebelum hantar.
 - ix. Pastikan Borang 2 dicetak dan ditandatangani beserta tarikh di ruangan pemohon.

**CAWANGAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN
BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**



PANDUAN PENDAFTARAN ID DAN PENGURUSAN PROFIL SISTEM BLESS

- 1) Layari ke laman sesawang BLESS <https://www.bless.gov.my/bless/>
- 2) Pilih *To Register with Bless* dan *Click here*.
- 3) Mengisi lengkap bahagian 'Individual Profile Registration':
 - a. User ID adalah menggunakan No Kad Pengenalan dan kata laluan yang sesuai.
 - b. Nama dan alamat adalah sebagaimana dalam MyKad (Pihak BLESS akan membuat pengesahan identiti dengan Jabatan Pendaftaran Negara.
 - c. Pastikan maklumat bertanda * (*Mandatory Fields*) mesti diisi oleh pemohon.
- 4) Setelah selesai mengisi sila klik kotak *I hereby declare that the above updated information provided is true and accurate* dan *Submit Application*.
- 5) Sistem BLESS akan membuat semakan dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Tunggu sehingga mendapat notifikasi dalam emel yang dimasukkan di *e-registration Form*.
- 6) Setelah menerima notifikasi dalam emel, sila klik link yang diberi untuk *Registration Validation*.

PANDUAN PENDAFTARAN PEMBANTU PERUBATAN MELALUI SISTEM BLESS

- 1) Log Masuk ke laman sesawang BLESS <https://www.bless.gov.my/bless/>
- 2) Kemaskini bahagian *Update Profile*.
- 3) Pilih bahagian *Submission > Business Licence Submission*. Lengkapkan maklumat seperti di bawah:
 - i) *Apply on behalf* : *Myself*
 - ii) *Keyword* : *Certificate*
 - iii) *Search by* : *Licence Name*
 - iv) *State* : Wilayah Persekutuan Putrajaya
- 4) Klik *Search* dan pilih *New* pada bahagian *Application Type*.
- 5) Tandakan di ruangan *Medical Assistant Board (LPP)* dan klik butang *Add to tray*.
- 6) *Pop-up Certificate of Registration as a Medical Assistant* akan dipaparkan. Klik *Health* dan *OK*.
- 7) Di bahagian *Submission*, pilih '*My Tray*'. Borang permohonan akan berstatus *Incomplete*. Klik pada ikon berbentuk pensel (*fill up form*) untuk mengisi borang permohonan.
- 8) Isi Bahagian A,B,C,D dan Perakuan dengan lengkap. Klik *Save* setelah selesai pada setiap bahagian.

**CAWANGAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN
BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**



- 9) Bahagian A; mengandungi maklumat pemohon. Sila isi alamat tetap dan surat menyurat seperti di dalam MyKad.
- 10) Bahagian B; keputusan peperiksaan pemohon. Sila isi subjek peperiksaan akhir yang diduduki dan keputusan adalah LULUS.
- 11) Bahagian C; Perujuk, namakan 2 orang Perujuk yang terdiri daripada Pengamal Perubatan berdaftar yang anda telah bekerja dibawahnya yang boleh dan sanggup memberi jawapan kepada pertanyaan mengenai diri anda.
- 12) Bahagian D; Dokumen Sokongan dan Bayaran, sila muatnaik borang (*Upload Document*) 6 Dokumen Mandatori yang telah disahkan berserta gambar berukuran pasport.
- 13) Sila buat bayaran pendaftaran melalui Kiriman Wang (Money Order) atau Bank Draf. Masukkan maklumat kaedah bayaran, sila klik 'tambah' dan masukkan No. Siri, Jumlah dan Cawangan Pejabat Pos / Bank.
- 14) Semak dokumen-dokumen yang telah dimuatnaik pada *button Preview* dan klik butang *Save*.
- 15) Borang permohonan yang lengkap akan berstatus '*Complete*'. Klik butang '*Submit Application*'.
- 16) Permohonan yang berjaya dihantar boleh disemak di bahagian '*Track and Monitoring*'. Sila klik *No. Submission* bagi mencetak Borang 2. Sila simpan *No. Submission* permohonan untuk rujukan.
- 17) Borang 2 perlu dicetak di atas kertas berwarna putih. Pembayaran menggunakan Kiriman Wang (Money Order) atau bank draf hendaklah dikepilkan bersama borang yang telah dicetak dan dihantar ke Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan.
- 18) Sebarang masalah sila hubungi Sekretariat Lembaga Pembantu Perubatan, Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, KKM di talian 03 8883 1370/1373/1379.

Urusetia
Sekretariat Lembaga Pembantu Perubatan
Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, KKM